



UiTM@Media **2016**

Rencana Pilihan



UiTM@Media
2016

Belia perlu peka isu antarabangsa

Berbicara mengenai politik antarabangsa perlu-kan suatu keazaman kuat dan teknikaliti pembacaan sumber yang banyak. Ia dianggap topik membosankan untuk dibincang dan tidak menarik minat anak muda berdiskusi serta bercakap mengenainya.

Perkara ini beri kesan ketara untuk anak muda masa kini yang lebih suka membaca hal berkaitan hiburan dan berita bersifat sensasi daripada cuba memahami hal ehwal dunia hari ini atas alasan ia hanya perlu diambil tahu orang tertentu sahaja.

Faktor pemangkin seperti cara penyampaian yang tidak kompleks terhadap isu ini mungkin boleh jadi permulaan dalam membentuk minat anak muda dan belia terhadap isu global. Mungkin yang perlu ialah medium penyampaian bersifat santai dan tidak berat.

Kita perlukan anak muda yang mampu jadi pencetus idea dalam membuka laluan perbincangan dalam perkongsian ringan berkaitan sejarah dan kisah terkenal pada masa lampau. Sebagai con-

toh, melalui pengalaman saya di kuliah dan perbincangan, ramai kawan akan memberi maklum balas jika berbual kisah sejarah seperti Perang Dunia Pertama, bagaimana ia tercetus dan penyelesaiannya.

Tiada pemangkin

Apa yang saya perhatikan, mereka beri tumpuan baik dan sering bertanya untuk mengetahui dengan lebih lanjut. Justeru, boleh kita simpulkan bahawa anak muda ada minat dan kesungguhan mengetahui isu berkaitan hal ehwal antarabangsa akan tetapi tiada pemangkin yang mendorong mereka mengetahui dan memahami dengan lebih mendalam.

Ingin saya cadangkan supaya kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan, agensi atau pertubuhan bukan kerajaan yang relevan mempergiat program belia membincangkan kepentingan isu antarabangsa dalam kalangan anak muda atau mengadakan program khusus untuk memberi latihan melahirkan ikon belia yang berfungsi sebagai faktor pemangkin dalam menarik anak muda untuk mengetahui hal eh-

BERSAMBUNG
DI SEBELAH

wal perjalanan dunia hari ini.

Isu hubungan antarabangsa ba-
bit sentimen dan persepsi berbe-
za, perlu dikupas daripada pel-
bagai perspektif. Sebagai contoh,
sejarah Perang Dunia Pertama
dan Kedua mengakibatkan ba-
nyak kemusnahan yang bawa ke-
rugian kepada manusia.

Perang Dunia Pertama dan Ke-
dua berakhir dengan resolusi pel-
bagai negara hingga terbentuk Liga
Bangsa dan Pertubuhan Bangsa-
Bangsa Bersatu (PBB).

Perang dunia dilihat sebagai
asas dalam membentuk komuniti
masyarakat dunia pada hari ini.
Pelbagai perjanjian keamanan
dan pembentukan perikatan an-
tara negara diwujudkan yang
mempengaruhi pembentukan po-
lisi kerajaan setiap negara.

Sifat ambil tahu, suka bertanya

Tidak ramai belia ambil kisah
perkembangan serantau hari ini.
Ini wajar diberi penekanan ke-
rana isu politik global perlu di-
ambil sebagai satu subjek untuk
dibincangkan, terutama mahasis-
wa kerana ia beri kesan dalam
pembentukan polisi negara dan

pembangunan ekonomi sesebuah
wilayah.

Sifat ambil tahu dan suka ber-
tanya perlu kita pupuk dalam ka-
langan belia, terutama dalam me-
lahirkan insan yang mampu ber-
cakup soal kedaulatan negara
dalam konteks antarabangsa, se-
lain hubungan diplomasi seran-
tau dan isu berkaitan jaringan
global dalam usaha pengisian
mendalam terhadap isu kritikal
seperti hal ehwal ASEAN, dasar
politik serta ekonomi jiran dan
hubungan kita dengan kuasa do-
minan dunia.

Belia perlu diberi pendedahan
hal ehwal semasa meliputi isu
global seperti hubungan dingin di
antara China dan Amerika Sya-
rikat, usaha menguasai Asia Teng-
gara dan isu ASEAN seperti hak
asasi manusia yang mula jadi se-
butan selepas krisis Rohingya di
Myanmar dan juga isu lain.

Anak muda yang mahu mem-
bentuk sebuah negara bangsa
perlu ambil tahu hal ehwal se-
masa di sekeliling sama ada
membabitkan ekonomi, politik
dan budaya. Bersama-sama kita
jadi pemikir untuk memperkasa
dan memperkuat negara.



Anak muda yang mahu
membentuk sebuah
negara bangsa perlu
ambil tahu hal ehwal
semasa di sekeliling...”

Komentari



Idi Amin Zainuddin

Penulis ialah Pelajar Tahun
Akhir Fakulti Sains Pentadbiran
dan Pengajian Polisi,
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

